

## **Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah**

*Teaching Experience or Teacher Professional Development Training in Influencing the Implementation of Historical Thinking Skills in History Subject at Secondary Schools*

**M. Kaviza**

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia  
kavizakaviza@yahoo.com

Received: 11 Mac 2018; Accepted: 17 June 2018; Published: 21 December 2018

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sama ada aspek pengalaman mengajar atau latihan profesional guru lebih mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah di sekolah menengah. Kajian ini yang menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan melalui soal selidik yang melibatkan seramai 92 orang guru sejarah di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Soal selidik yang telah diadaptasi digunakan dalam kajian ini dan telah disahkan oleh pakar bidang pendidikan sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar, ujian ANOVA Satu Hala dan Korelasi Pearson dengan menggunakan perisian “IBM SPSS Statistics” versi 24. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah berada pada tahap sederhana. Latihan profesional guru lebih mempengaruhi tahap penerapan kemahiran pemikiran sejarah di sekolah. Implikasi kajian ini mencadangkan semua pihak perlu bekerjasama dalam merancang pelbagai kursus dan latihan yang berkaitan dengan kaedah pedagogi yang inovatif agar matlamat dan objektif kurikulum sejarah dapat dicapai selaras perkembangan pendidikan sejarah pada peringkat global.

**Kata Kunci:** Guru sejarah, kemahiran pemikiran sejarah, latihan profesional, pengalaman mengajar

### **Abstract**

*The purpose of this study is to examine which aspect influence more on implementation of historical thinking skills in secondary schools. This study used a quantitative approach with a survey design through questionnaires involving a total of 92 history teachers in a state of north peninsular of Malaysia using simple random sampling technique. The adapted questionnaire is used in this study, which has been verified by the content expert and has a good reliability value. The data were analyzed using descriptive and inferential statistics such as independent sample t-test, one way ANOVA and Correlation Pearson using "IBM SPSS Statistics". The findings of this study indicate that the level of implementation of historical thinking skills at a moderate level. Beside that, professional development training more influences in implementing the historical thinking skill among teachers. The implication of this study suggest that all departments should work together in planning various training of innovative pedagogical methods in order to achieve the objectives of the historical curriculum.*

**Keywords:** History teacher, historical thinking skills, teaching experience, teacher professional development training

## **PENGENALAN**

Pendidikan sejarah semakin diberi penekanan dalam sistem pendidikan nasional apabila kerajaan menjadikan subjek sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2013. Malah subjek sejarah juga telah diajar sebagai subjek teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang bertujuan untuk memartabatkan ilmu sejarah di negara Malaysia selaras dengan pelaksanaan konsep Gagasan 1 Malaysia yang bertujuan untuk memajukan negara Malaysia pada peringkat antarabangsa (Shakila Yacob, 2010). Sehubungan itu, langkah memartabatkan subjek sejarah tidak dapat direalisasikan sekiranya murid hanya menghafal fakta sejarah yang membataskan perkembangan pemikiran dan hanya lulus peperiksaan (Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah, 2014). Bagi mencapai matlamat ini, para guru haruslah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah agar dapat mendorong murid menghayati ilmu sejarah dan melibatkan diri secara aktif (Wineburg, Smith, & Breakstone, 2018) seperti yang telah digariskan dalam kurikulum sejarah (Pihak Perkembangan Kurikulum (PPK), 2015).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

### **Kepentingan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam pendidikan sejarah**

Dalam konteks kurikulum sejarah, kemahiran pemikiran sejarah adalah bertujuan untuk memberi pemahaman ilmu dan memupuk pemikiran sejarah dengan memasukkan elemen kemahiran pemikiran sejarah sebagai salah satu elemen dalam struktur disiplin sejarah oleh pihak PPK yang menggariskan lima kemahiran pemikiran sejarah yang perlu diterapkan oleh guru-guru sejarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas secara langsung mahupun secara tidak langsung seperti berikut:

1. Kemahiran memahami kronologi iaitu melihat masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku.
2. Kemahiran meneroka bukti iaitu dengan melibatkan kemahiran mengenal pasti sumber primer dan sekunder dan membuat perbandingan antara kedua-dua sumber tersebut.
3. Kemahiran membuat interpretasi iaitu membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi alasan dan kupasan bernas.
4. Kemahiran membuat imaginasi iaitu melibatkan murid dengan sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah yang dikaji secara visual dan empati.
5. Kemahiran membuat rasionalisasi iaitu melibatkan penggunaan akal fikiran untuk membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan dalam sejarah.

Dengan itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas haruslah berubah daripada penerimaan fakta secara pasif kepada penerimaan fakta secara aktif (Wineburg et al., 2018). Maka, guru perlulah berkemahiran dan berpengetahuan dalam merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang bermakna dengan menerapkan elemen kemahiran pemikiran sejarah tersebut bagi memastikan murid memahami dan menghayati kandungan sejarah (Monte-Sano, 2011).

### **Pengalaman mengajar guru**

Tempoh pengalaman mengajar guru sepanjang perkhidmatan mereka adalah mempengaruhi keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan (Lovorn, 2017). Hal ini kerana terdapat perbezaan antara guru yang baru tamat pengajian yang ditempatkan sebagai guru sandaran (*novice*) dengan guru yang telah lama berkhidmat. Pendapat kajian Lovorn, (2017) ini adalah selari dengan kajian Hattie, (2003) yang menjelaskan bahawa guru baharu masih kurang berpengalaman dengan situasi sekolah dan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berbanding dengan guru yang mengajar lebih daripada lima tahun yang mempunyai pengalaman yang luas dalam isu-isu

berkaitan dengan pengurusan kelas. Namun begitu, kajian Abbas dan Niloofar, (2012) pula telah melaporkan bahawa motivasi guru adalah tidak dipengaruhi oleh faktor pengalaman mengajar guru dan kajian Muhamad Yazid Khalil, (2018) pula melaporkan pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dalam kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah di sekolah rendah.

### **Latihan profesional guru**

Dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan baik, maka guru-guru perlu dilengkapi dengan pelbagai kandungan pengetahuan dan pedagogi bagi memastikan matlamat dan objektif kurikulum dapat dicapai (Baron, 2013; Neumann, 2012). Dapatan kajian Salinas, Bellows dan Liaw, (2011) telah melaporkan bahawa setiap guru perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran asas dan pelbagai jenis aktiviti pembelajaran yang relevan serta bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai yang dapat meningkatkan minat murid dan mewujudkan suasana pembelajaran yang bermakna di dalam kelas. Sungguhpun begitu, kajian Buchanan, (2015) pula mendapati bahawa guru-guru sejarah masih menggunakan kaedah mencatat nota yang memfokuskan kepada hafalan fakta semata-mata. Oleh itu, pendedahan kursus dan latihan yang baik dapat membantu guru-guru untuk memperkembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka dengan mempraktikkan pelbagai kaedah pengajaran yang inovatif yang sekaligus dapat menerapkan kemahiran pemikiran sejarah di dalam kelas.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Tidak dinafikan bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah masih berada pada tahap rendah walaupun guru-guru sejarah telahpun dilengkapi dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan strategi pengajaran sejarah yang sesuai sepanjang tempoh pengalaman mengajar subjek sejarah (Hattie, 2003; Lovorn, 2017) dan pendedahan pelbagai latihan atau kursus profesional yang diperolehi sepanjang dalam tempoh perkhidmatan (Baron, 2013; Lovorn, 2017; Ozmen, 2015). Sungguhpun begitu, guru-guru sejarah didapati masih tidak yakin mengajar elemen kemahiran pemikiran sejarah tersebut di dalam kelas yang telah menghadkan proses pemerolehan pengetahuan sejarah dan tidak dapat menggalakkan penglibatan aktif dalam kalangan murid bagi membentuk suasana pembelajaran sejarah yang bersifat dinamik dan komprehensif (Buchanan, 2015; Neumann, 2012). Oleh itu, keadaan ini telah menimbulkan satu persoalan bahawa pengalaman mengajar dan latihan profesional yang diberikan selama ini masih tidak dapat memberi keyakinan kepada guru-guru sejarah untuk menerapkan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah (Fehn & Schul, 2014; Keirn & Luhr, 2012). Justeru, terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk menentukan sama ada latihan mengajar atau latihan profesional guru yang mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah.

### **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan pengalaman mengajar guru?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan pengalaman mengajar guru?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan latihan profesional guru?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan latihan profesional guru?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan melalui penggunaan soal selidik dengan skala tujuh point yang terdiri daripada 34 item yang diadaptasi daripada kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razak Ahmad (2015) yang mengkaji persepsi terhadap gaya belajar dan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru pelatih. Seramai 92 orang guru yang mengajar mata pelajaran sejarah di sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia telah dijadikan sampel dalam kajian ini melalui teknik persampelan rawak mudah. Proses kesahan kandungan telah dijalankan terhadap soal selidik tersebut oleh dua orang panel pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman melebihi 15 tahun bagi menentukan sama ada soal selidik yang digunakan dapat mengukur amalan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru-guru sejarah. Kajian rintis terhadap soal selidik telah dijalankan terhadap 30 orang guru sejarah di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang lain dan nilai kebolehppercayaan soal selidik tersebut ialah 0.93 iaitu sangat baik (Nunnally, 1978). Data statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar, ujian Anova Satu Hala dan ujian korelasi dalam kajian ini dianalisis menggunakan perisian pengaturcaraan “IBM SPSS Statistics” versi 24. Interpretasi tahap skor min kemahiran pemikiran sejarah (Skor min 5.01-7.00=tinggi, 3.01-5.00= sederhana dan 1.0-3.00 =rendah) yang diadaptasi daripada kajian Nik Mohd Rahimi, (2004) dan kekuatan korelasi (skor min 0.70 – 1.00 = amat tinggi, 0.50-0.69 = tinggi, 0.30-0.49=sederhana tinggi, 0.10-0.29 = rendah dan 0.00 – 0.09 = diabaikan) yang diadaptasi daripada kajian Davies, (1971).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Soalan Kajian 1

1. Apakah tahap kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah?

Berdasarkan Jadual 1, skor min kemahiran pemikiran sejarah ( $M = 4.79$ ,  $SD = 0.91$  secara keseluruhannya dalam kalangan guru sejarah berada pada tahap sederhana. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Muhamad Yazid Khalil, (2018) yang melaporkan tahap pengetahuan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah sekolah rendah di negeri Selangor masih berada pada tahap sederhana.

**Jadual 1** Skor min tahap kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah

	N	Skor min	Sisihan piawai	Tahap
Kemahiran Pemikiran Sejarah	92	4.79	0.91	Sederhana

### Soalan Kajian 2

2. Adakah terdapat perbezaan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan pengalaman mengajar guru?

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, maka hipotesis nol ( $H_{01}$ ) telah diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) iaitu:

$H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan pengalaman mengajar guru.

Skor min kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih tinggi bagi guru sejarah yang berpengalaman antara 6 hingga 10 tahun ( $M = 5.10$ ,  $SD = 1.21$ ) berbanding dengan guru sejarah yang berpengalaman 1 hingga 5 tahun ( $M = 4.40$ ,  $SD = 0.59$ ), 11 hingga 15 tahun ( $M = 4.86$ ,  $SD = 1.13$ ) dan 16 tahun keatas ( $M = 4.83$ ,  $SD = 0.85$ ). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ( $F(3, 88)=5.55$ ,  $p=0.20$ ),

keputusan ujian Anova Satu Hala dalam Jadual 2 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah [ $F(3,88) = 1.82, p=0.15$ ] berdasarkan pengalaman mengajar guru. Justeru,  $H_{01}$  gagal ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan pengalaman mengajar guru. Dapatan kajian ini adalah disokong dengan kajian Baharudin Jabar, (2006) dan kajian Muhamad Yazid Khalil, (2018) yang mendapati bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru mempunyai kaitan dengan dengan pemerolehan pengetahuan dalam mengajar mata pelajaran sejarah secara efektif di dalam kelas.

**Jadual 2** Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan pengalaman mengajar guru

		Jumlah kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Skor Min Kemahiran Pemikiran Sejarah	Antara Kumpulan	4.41	3	1.47	1.82	0.15
	Dalam Kumpulan	70.99	88	0.81		
	Jumlah	75.40	91			

Pada aras kesignifikan 0.05

### Soalan Kajian 3

- Adakah terdapat hubungan antara skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan pengalaman mengajar guru?

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, maka hipotesis nol ( $H_{02}$ ) telah diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) iaitu:

$H_{02}$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan pengalaman mengajar guru.

**Jadual 3** Korelasi skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan pengalaman mengajar guru

		Pengalaman Mengajar Guru	
Kemahiran Sejarah	Pemikiran	Pearson Correlation	0.11
		Sig	0.29
		N	92

Jadual 3, menunjukkan bahawa nilai koefisien korelasi Pearson ( $r$ ) antara skor min kemahiran pemikiran sejarah [ $r= 0.11, p=0.29$ ] dengan pengalaman mengajar guru adalah tidak signifikan. Oleh itu, tidak terdapat hubungan linear antara skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan pengalaman mengajar guru. Maka,  $H_{02}$  gagal ditolak. Justeru, tidak terdapat hubungan antara skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan pengalaman mengajar guru. Dapatan ini adalah serupa dengan kajian Baron, (2013) dan yang mencadangkan profesionalisme guru meningkat apabila mereka diberikan peluang untuk meningkatkan dan memperbaiki kemahiran mengajar yang sedia ada.

### Soalan Kajian 4

- Adakah terdapat perbezaan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan latihan profesional guru?

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, maka hipotesis nol ( $H_{03}$ ) telah diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) iaitu:

$H_{03}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan latihan profesional guru.

Skor min kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih tinggi bagi guru sejarah yang pernah mengikuti latihan profesional ( $M = 5.00, SD = 0.87$ ) berbanding dengan guru sejarah yang tidak pernah mengikuti latihan profesional ( $M = 4.44, SD = 0.87$ ). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ( $F=0.02, p=0.90$ ), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 4 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah [ $t(90) = 2.96, p=0.00$ ] berdasarkan latihan profesional guru. Justeru,  $H_{03}$  berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan latihan profesional guru. Latihan profesional guru dibuktikan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru-guru agar mereka melahirkan murid yang berfikiran yang kritis, efektif dan proaktif yang dapat menimbulkan sikap positif murid terhadap pembelajaran (Keirn & Luhr, 2012; Salinas et al., 2011).

**Jadual 4** Ujian-t sampel tak bersandar bagi kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan latihan profesional guru

	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Ujian-t bagi persamaan min			
	<i>F</i>	<i>Sig.</i>				Perbezaan min	Min ralat piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
								Bawah	Atas
Perbezaan Skor Min	0.02	0.90	2.96	90	0.00	0.56	0.19	0.18	0.93

\*Pada aras signifikan 0.05

### Soalan Kajian 5

5. Adakah terdapat hubungan antara skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan latihan profesional guru?

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, maka hipotesis nol ( $H_{04}$ ) telah diuji pada aras kesignifikan ( $p=0.05$ ) iaitu:

$H_{04}$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan skor min kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan latihan profesional guru.

Jadual 5, menunjukkan bahawa nilai koefisien korelasi Pearson ( $r$ ) antara skor min kemahiran pemikiran sejarah [ $r=0.30, p=0.04$ ] dengan latihan profesional guru adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear yang negatif yang sederhana tinggi yang signifikan antara skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan latihan profesional guru. Maka,  $H_{04}$  berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan latihan profesional guru. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Baron, (2013) dan Neumann, (2012) yang menjelaskan bahawa keberkesanan sesuatu latihan atau kursus professional yang diberikan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sejarah. Oleh itu, latihan dan pendedahan kemahiran sejarah yang berterusan perlu diberikan kepada seseorang guru semenjak mereka mula dilantik sehinggalah mereka bersara.

**Jadual 5** Korelasi skor min kemahiran pemikiran sejarah dengan latihan profesional guru

	Latihan Profesional Guru	
Kemahiran Pemikiran Sejarah	<b>Pearson Correlation</b>	-0.30**
	<b><i>Sig</i></b>	0.04
	<b>N</b>	92

\*\* Correlation is significant at the 0.05 level

### KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kalangan guru sejarah adalah lebih dipengaruhi oleh faktor latihan profesional guru yang diberikan sepanjang tempoh mereka mengajar subjek sejarah. Hasil dapatan ini

menunjukkan bahawa guru sejarah yang mengikuti sebarang kursus atau latihan professional yang dianjurkan oleh pihak sekolah, jabatan pendidikan negeri, kementerian pendidikan Malaysia dan sebagainya yang mempamerkan tahap keyakinan yang lebih baik dalam menerapkan elemen kemahiran pemikiran sejarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan lebih baik. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa semua pihak perlu bekerjasama dalam merancang pelbagai kursus dan latihan yang berkaitan dengan kaedah pedagogi yang inovatif agar matlamat dan objektif kurikulum sejarah dapat dicapai selaras perkembangan pendidikan sejarah pada peringkat global.

## RUJUKAN

- Abbas, A.Z., & Nilofar, A.S. (2012). Experienced teacher and novies Iranian teacher's perceptions as to the effect of intrinsic factors on teachers efficacy. *Basic Research Journal of Education Research and Review*, 1, 4-14.
- Baharudin Jabar. (2006). *Pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah: Satu kajian kes di daerah Hilir Perak. Penyelidikan terpilih UPSI*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Baron, C. (2013). Using inquiry based instruction to encourage teachers' historical thinking at historic sites. *Teaching and Teacher Education*, 35, 157-169.
- Buchanan, L.B. (2015). Fostering historical thinking toward civil rights movement counter Narratives: documentary film in elementary. *The Social Studies*, 106, 47-56.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fehn, B., & Schul, J, F. (2014). Selective appropriation and historical documentary making in special education classroom. *Social Studies Research and Practice*, 9(2), 1- 14.
- Hattie, J. (2003). *Teachers make a difference. What is the Research Evidence? Australian Council for Educational Research Annual Conference on Building Teacher for Quality*. Auckland: University of Auckland.
- Keirn, T., & Luhr, E. (2012). Subject matter counts: The pre-service Teaching and learning of historical thinking. *The History Teacher*, 45(4), 493- 511.
- Lovorn, M. (2017). Thinking historically, acting locally: Training teachers in historiographical Analysis of local monuments. *Multidisciplinary Academic Conference*, 9 Mac 2017.
- Monte-Sano, C. (2011). Beyond reading comprehension and summary: Learning to read and write in history by focusing on evidence, perspective and interpretation. *The Ontario Institute for studies in Education of the University of Toronto Curriculum Inquiry*, 41(2), 212-249.
- Muhamad Yazid Khalil. (2018). Tahap pengetahuan guru sejarah sekolah rendah dalam kemahiran pemikiran sejarah. *Prosiding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx18)*, 20-22 Mac 2018, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah, Malaysia.
- Neumann, D. (2012). Training teachers to think historically: Applying recent research to professional development. *The History Teacher*, 45(3), 383- 403.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2004). *Kemahiran mendengar Bahasa Arab: Satu kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie theory* (2<sup>nd</sup> Ed). New York: McGraw Hill.
- Ozmen, C. (2015). Social studies teacher candidates' View on historical thinking skills. *Academic Journals*, 10(4), 2031-2042.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran mata pelajaran sejarah tingkatan satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa, & Siti Hawa Abdullah. (2014). Kesan penggunaan sumber digital sejarah terhadap amalan pemikiran sejarah. *Prosiding 23<sup>rd</sup> International Conference of Historians of Asia*, 2014 (IAHA 2014), 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah Malaysia.
- Rully Putri Nirmala Puji, & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Gaya belajar dan kemahiran pemikiran sejarah dalam pembelajaran Sejarah di peringkat universiti. *Edusentris, Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 2(3), 253-263.
- Salinas, C., Bellows, M.E., & Liaw, H. L. (2011). Pre-service social studies historical thinking and digitized sources: What they use and why. *Contemporary Issues in technology and Teacher Education*, 11(2), 184-204.
- Shakila Yacob. (2010). Ilmu sejarah membina negara. *Utusan Malaysia*. 19-10.2010
- Wineburg, S., Smith, M & Breakstone, J. (2018). What is learned in college history classes? *The Journal of American History*, 983-993.